




Home » Saintis latih ikan emas pandu kenderaan




IKAN emas itu dilihat sedang mengemudi Kenderaan Pengendalian Ikan (FOV) yang direka khas. – The Sun

Saintis latih ikan emas pandu kenderaan

Oleh KOSMO! 5 Januari 2022, 4:30 pm

TEL AVIV – Pasukan saintis di Universiti Ben-Gurion, Israel dilaporkan melatih ikan emas untuk ‘memandu’ kenderaan yang direka khas oleh mereka, lapor akhbar The Sun semalam.

ADVERTISEMENT



Ikan itu dilihat boleh menggerakkan Kenderaan Pengendalian Ikan (FOV) yang direka khas oleh kumpulan penyelidik tersebut dengan cara berenang ke arah tertentu di dalam sebuah tangki kecil sebagai ganti kepada tempat duduk pemandu.


Rekaan FOV pertama itu bertindak balas kepada pergerakan ikan di dalam air untuk memecut, berpusing dan berhenti.

Kumpulan saintis yang terdiri daripada jurutera bioperubatan dan pakar saraf itu berjaya melatih ikan emas untuk

memandu di dalam sebuah bilik menghala ke arah sasaran berupa pelet makanan ikan.

Enam ekor ikan berbeza didapati berjaya mengemudi kenderaan itu melintasi ruang bilik untuk ke sasaran sambil mengelak jalan mati.

FOV itu dilengkapi empat roda bermotor dan dapat bergerak dengan mengesan pergerakan pemandunya menggunakan kamera dan teknologi pengesanan cahaya.




Semua ikan tersebut belajar mengemudi FOV ke arah sasaran berwarna merah jambu di dalam bilik berukuran empat meter untuk mendapatkan pelet makanan.

Pelajar ijazah doktor falsafah (PhD), Shachar Givon berkata: "Kajian ini menunjukkan bahawa ikan emas mempunyai keupayaan kognitif untuk mempelajari tugas yang kompleks dalam persekitaran yang berbeza."


"Sesiapa yang pernah cuba belajar menunggang basikal atau memandu kereta tahu bahawa tugas itu memang mencabar pada mulanya. Ikan-ikan itu bagaimanapun menjadi semakin mahir dan pada sesi terakhir, ia berjaya mengawal FOV pada tahap yang tinggi," katanya. – Agensi

BERITA SELANJUTNYA

by



Bayi ditemui kesejukan bersama nota menyay...



Saintis Jepun cipta pelitup muka kesan...



Ultrasonic Scrubber untuk kulit yang lemb...



Bahan segar ke rumah anda, penghantaran...



Penjawat awam ditahan rogol dua beradik



Lima suspek kes samun ditahan



Warga emas maut kereta bertembung...



600,000 peluang bekerja akan...



Covid-19 lebih mudah disebar oleh lelaki....

POPULAR




Lelaki cedera ditanduk kerbau naik minyak

6 Januari 2022, 10:15 am



Park Shin-hye, Choi Tae-joon kahwin 22 Januari ini
6 Januari 2022, 10:10 am



Scha perlukan teman, takut tidur sendirian
6 Januari 2022, 10:00 am



The Silent Sea dikritik, ini jawapan Gong Yoo
6 Januari 2022, 10:00 am

BERITA BERKAITAN



Lelaki cedera ditanduk kerbau naik minyak

6 Januari 2022, 10:15 am



Scarlett Johansson rugi RM2.5 bilion kerana cetak rompak

6 Januari 2022, 10:00 am



Sembilan sungai di empat negeri catat paras bahaya

6 Januari 2022, 8:34 am





Elon Musk miliki kekayaan lebih RM1 trilion

6 Januari 2022, 8:00 am



PREMIUM

LANGGANAN

Hak cipta terpelihara © 2021 Media Mulia Sdn. Bhd.

Terma dan Syarat
Hubungi Kami